

16 JUN 1996

Mekong-Kemboja

KEMBOJA CADANG SUPAYA BINA JALAN DARI SINGAPURA KE CHINA

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Kemboja mencadangkan supaya satu jalan raya menghubungkan Singapura ke China, sama seperti hubungan rel trans-Asia yang dicadangkan, dibina bagi mempercepatkan pertumbuhan di negara-negara Lembah Mekong.

Menteri Luarnya Ung Huot berkata pembinaan jalan raya itu yang memperlengkapkan hubungan rel, akan dibangkitkan pada mesyuarat dua hari peringkat menteri Kerjasama Pembangunan Lembah Mekong-Asean di sini bermula esok.

Semasa bercakap kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang hari ini, beliau mencadangkan supaya jalan itu melalui Malaysia, Thailand, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan "diharap-harapkan juga Laos".

Hubungan rel yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu pada Sidang Kemuncak kelima Asean di Bangkok pada Disember lepas, akan bermula dari Singapura melalui Kuala Lumpur, Bangkok, Aranyaprathet, Poipet, Sisophon, Phnom Penh, Lok Ninh, Ho Chi Minh City dan Hanoi ke Kunming -- tanpa melalui ibu negara Laos, Vientiane.

Bagaimanapun, Laos telah mencadangkan supaya satu cabang -- sepanjang 540km dari Nongkhai, dekat sempadan Thai ke Vientiane dan seterusnya ke Kunming -- dibina kepada hubungan keretapi itu.

Hubungan rel itu telah dimasukkan sebagai item utama dalam agenda Program Kerjasama Pembangunan Lembah Mekong-Asean yang bertujuan untuk mengenalpasti projek-projek untuk dilaksanakan bersama oleh negara-negara Lembah Mekong.

Lembah Mekong itu meliputi Thailand, Vietnam, Laos, Kemboja, Myanmar and wilayah Yunnan di selatan China.

Semasa ditanya sama ada selamat untuk membina hubungan keretapi melalui kawasan yang dikuasai Khmer Rouge, Ung Huot berkata: "Dalam tempoh lima hingga 10 tahun, masalah Khmer Rouge akan diatasi dan Kemboja akan menjadi sebuah negara yang selamat dan aman."

Ung Huot, yang tiba bersama-sama Menteri Pembangunan dan Pemulihan Keat Chhon, berkata Kemboja akan membangkitkan isu projek tenaga hidro-elektrik untuk Lembah Mekong pada mesyuarat itu.

Katanya projek itu dibincangkan pada Suruhanjaya Sungai Mekong meliputi Thailand, Kemboja, Vietnam dan Laos sebagai anggota dan China serta Myanmar sebagai pemerhati tetapi "disebabkan masalah kewangan, kita tidak dapat meneruskan projek itu".

Mengenai mesyuarat esok, Ung Huot berkata "mesyuarat itu akan menghasilkan kertas konsep yang tidak bertindih dengan pembangunan yang sedia terlaksana di Lembah Mekong ... ia seharusnya memperlengkapkan pembangunan yang sedia ada".

Mengenai Dana Mekong untuk membiayai projek-projek itu, beliau berkata ia sesuatu yang baru.

Katanya Kemboja akan menyokong dan menyumbang mengikut kemampuannya kepada dana itu kerana "kita tidak boleh menjadi penerima sahaja".

Sementara itu, Menteri Luar Filipina Domingo L. Siazon berkata negaranya akan mengkaji bagaimana Dana Mekong itu dapat digunakan dan bagaimana sumbangan harus dibuat.

Semasa bercakap kepada pemberita di lapangan terbang setibanya hari ini, beliau berkata kebanyakan projek yang dicadangkan untuk memajukan Lembah Mekong akan dilaksanakan oleh sektor swasta.

"Di pihak kerajaan, Filipina akan membuat sumbangan menerusi sumber-sumber manusianya," katanya.

-- BERNAMA

AA AHH